

BAB 4

PENGHIJRAHAN KE SABAH

4.1 Sumber Maklumat Mengenai Sabah

Sebelum seseorang penduduk Filipina itu berhijrah ke Sabah, biasanya ia perlu tahu sedikit sebanyak mengenai negeri Sabah. Maklumat ini biasanya diperolehi dari berbagai cara sama ada dari kawan-kawan atau saudara mara yang selalunya berulang alik dari kampung halaman di Filipina ke Sabah ataupun dari media masa. Maklumat yang diterima bukan sahaja tentang peluang-peluang pekerjaan yang ada di Sabah malah menceritakan suasana yang aman damai di Sabah berbanding dengan negara Filipina. Keadaan ini menjadi tarikan kepada orang Filipina berhijrah ke Sabah untuk mengubah nasib mereka di tempat yang baru. Maklumat yang diberikan juga termasuk cara-cara masuk atau berhijrah ke Sabah.

Bagaimanapun, sebelum berhijrah mereka juga perlu tahu peraturan untuk masuk ke Malaysia khususnya negeri Sabah. Setiap warga negara asing yang memasuki Malaysia ini perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang terkandung dalam Akta Imigresen 1959/63 (Disemak 1975) dan Akta Paspot 1966 (Pindaan 1974).¹

Berdasarkan penyelidikan di Kampung Bakau, kebanyakan responden memperolehi maklumat mengenai Sabah daripada rakan-rakan (52.8%) yang berhijrah lebih awal ke Sabah (lihat jadual 4.1). Biasanya rakan-rakan yang bekerja di Sabah, bercuti beberapa minggu pulang ke kampung halaman untuk melawat keluarga mereka. Kadang-kadang sebahagian daripada mereka mengajak keluarga rapat di Filipina untuk

¹ Akta 150

berhijrah ke Sabah. Semasa rakan-rakan pulang, responden berpeluang mendengar cerita-cerita yang menarik perhatian khususnya kehidupan yang lebih senang di Sabah kerana mempunyai banyak peluang pekerjaan dengan pendapatan yang lumayan. Sungguhpun begitu, ada juga responden yang memperolehi maklumat secara langsung dari saudara mara atau keluarga mereka (41.5%) di Sabah yang mengajak responden berhijrah. Seramai dua orang responden (3.8%) sahaja yang mengatakan mereka turut mendapat maklumat mengenai negeri Sabah melalui akhbar dan orang awam. Seorang responden pula menjawab “tidak tahu” kerana masih kecil ketika datang ke Sabah.

Jadual 4.1
Sumber Maklumat Mengenai Negeri Sabah

SUMBER	BILANGAN	%
Kawan	28	52.8
Saudara Mara	20	37.7
Akhbar	1	1.9
Keluarga	2	3.8
Lain-lain	1	1.9
Tidak Tahu	1	1.9
JUMLAH	53	100

Sumber; Borang Soal Selidik dari Mei hingga Jun 1996.

Nota: Tiga orang responden dilahirkan di Sabah.

Selain dari itu, maklumat yang diterima merangkumi juga cara-cara yang boleh digunakan untuk datang dan tempat yang boleh dituju semasa berhijrah ke Sabah. Walau bagaimanapun, cara penghijrahan yang diberikan semuanya secara tidak sah dan tiga orang daripada responden pula berhijrah secara sah. Ini termasuklah responden-responden yang berhijrah ke Sabah atas sebab pergolakan politik di Selatan Filipina antara tahun 1971 hingga 1976; mereka datang secara berkeluarga atau beramai-ramai tanpa mengikut proses penghijrahan yang sah. Ketika mereka sampai ke Sabah mereka

mencari saudara mara yang lebih awal menetap di Sabah untuk mendapat tempat tinggal sementara. Mereka yang tidak dapat mencari alamat saudara mereka atau tidak mempunyai kenalan di Sabah pada masa itu terpaksa menumpang di rumah rakan-rakan mereka. Di samping itu, sebahagian daripada mereka menyewa secara berkongsi, rumah yang disediakan oleh penduduk tempatan dan juga pendatang Filipina yang lebih awal menetap di Sabah. Malah ada juga daripada mereka terus mencari pekerjaan agar mendapat kemudahan tempat tinggal di tempat pekerjaan.

4.2 Tahun Berhijrah Ke Sabah

Tahun penghijrahan responden ke Sabah sangat sukar untuk dipastikan dengan tepat. Maklumat yang diberikan oleh para responden, kadang-kadang meragukan. Ramai di kalangan mereka mengaku bahawa mereka telah menetap begitu lama di Sabah dan di Kampung Bakau, misalnya antara 10 hingga 15 tahun. Bagaimanapun, sebahagian dari apa yang dikatakan oleh responden itu bercanggah dengan perkara-perkara tertentu yang mereka sampaikan. Contohnya responden 33 telah memberikan kepada pengkaji tarikh penghijrahan yang tidak betul; tetapi hal ini dapat pengkaji kesan apabila meneliti umur anak-anak yang dibawa bersama berhijrah ke Sabah. Beliau menyatakan bahawa beliau mula datang ke Sabah pada tahun 1980. Masa itu, beliau membawa bersama-sama seorang isteri dan dua orang anak yang merupakan anak pertama dan kedua. Mengikut beliau setelah menetap di Sabah beliau bersama isterinya telah dikurniakan seorang anak sahaja sehingga kini. Keraguan ini timbul apabila responden memberi tahu bahawa masa sekarang anak pertama beliau baru sahaja mencapai umur 6 tahun dan anak kedua mencapai 4 tahun. Jika kedua-dua anak mereka ini dibawa bersama semasa berhijrah

pada tahun 1980 anak-anak itu sepatutnya telah mencapai peringkat remaja kerana telah menetap di Sabah lebih dari 16 tahun.

Dalam satu kes yang lain iaitu responden 41 didapati beliau memberikan data yang mengelirukan kerana memberitahu bahawa tarikh beliau berhijrah ke Sabah pada tahun 1965 dan memperolehi kad pengenalan biru atau kewarganegaraan Sabah pada tahun 1976. Tetapi kad pengenalannya menunjukkan beliau dilahirkan pada tahun 1972. Maka pengkaji merumuskan bahawa data-data yang diberikan itu adalah palsu.

Ada kemungkinan responden memberi maklumat salah kerana beberapa sebab. Pertama melindungkan diri dari dikesan memiliki kad pengenalan palsu. Maka secara langsung mereka sengaja menyembunyikan tarikh sebenar penghijrahan. Biasanya tempoh layak warga negara asing diberikan kad pengenalan biru adalah dalam jangka masa yang lama iaitu sekurang-kurangnya 10 tahun seperti yang dijelaskan dalam bab 3. Maka beliau sengaja menyatakan telah lama menetap di Sabah untuk melindungi diri beliau dikesan memiliki kad pengenalan palsu.

Andaian kedua berhubung dengan permasalahan identiti, kebanyakan pendatang Filipina ini lebih suka memberitahu bahawa mereka telah lama menetap di Sabah dan telah menjadi orang tempatan. Ini bertujuan agar mereka lebih diterima oleh orang tempatan ataupun pihak berkuasa tempatan agar mengutamakan mereka dalam hal-hal pemberian kebajikan daripada pihak-pihak tertentu.

Bagaimanapun melalui kajian ini, tahun penghijrahan responden ke Sabah harus dilihat dari mereka mula sampai seterusnya menetap ke Sabah. Masa yang diambil oleh pendatang Filipina untuk berhijrah ke Sabah tidaklah begitu lama iaitu antara 2 atau 3 hari; malah ada yang lebih pantas iaitu selama 2 hingga 3 jam sahaja. Tahun mereka

berhijrah yang ditunjukkan dalam jadual 4.2, menunjukkan seramai 27 orang (50.9%) responden berhijrah antara tahun 1960 hingga 1980, seramai 22 orang (41.5%) antara tahun 1981 hingga 1990 dan seramai 3 orang (7.6%) pada tahun 1991 hingga 1996. Bagaimanapun, ramai penduduk di Kampung Bakau ini telah menetap lebih awal di kawasan-kawasan lain khususnya di kawasan yang menjadi pendaratan-pendaratan utama di daerah Lahad Datu, Kunak, Semporna, Sandakan dan Tawau (lihat bahagian 4.5).

Jadual 4.2
Tahun Penghijrahan Responden Dan Isteri Ke Sabah

TAHUN HIJRAH KE SABAH	BIL. RESPONDEN	%	BIL. ISTERI	%	BIL ISI RUMAH	%
< 1965	2	3.7	1	2.2	1	0.7
1966 – 1970	1	1.9	0	0	2	1.3
1971 – 1975	12	22.6	8	17.4	18	11.8
1976 – 1980	12	22.6	6	13.0	18	11.8
1981 – 1985	10	18.9	15	32.6	30	19.7
1986 – 1990	12	22.6	13	28.3	39	25.7
1991 – 1995	2	3.7	2	4.3	36	23.7
1996	1	1.9	1	2.2	8	5.3
Tidak Tahu	1	1.9	0	0	0	0
JUMLAH BERHIJRAH	53	100	46	100	152	100
Lahir di Sabah	3	-	3	-	224	-
Orang Tempatan	0	-	4	-	12	-

Sumber: Borang Soal Selidik pada Mei hingga Jun 1996.

Kajian ini, mendapati seramai 3.7% responden telah mula memasuki Sabah sejak awal tahun 1960 an lagi (lihat jadual 4.2). Penghijrahan ini ada kaitannya dengan sejarah perhubungan tradisi ataupun hubungan sosial di antara penduduk di Selatan Filipina dengan negeri Sabah. Pada awal 60 an rakyat Filipina dan Sabah bebas keluar masuk merentas sempadan masing-masing. Penghijrahan mereka kelihatan semakin aktif antara tahun 1971 hingga 1980 kerana berlakunya pergolakan politik di Selatan Filipina di bawah kerajaan Marcos. Didapati seramai 25 orang (47.2%) responden berhijrah ke Sabah dalam tempoh itu. Selepas tahun 1980 an, perghijrahan mereka masih berterusan,

namun kemasukan mereka ke negeri Sabah bukan lagi atas sebab tekanan politik di negara asal tetapi lebih kerana kelembapan pembangunan ekonomi di Filipina.

Kajian ini juga menunjukkan sebilangan isteri responden berhijrah ke Sabah pada masa yang berlainan dari suami masing-masing. Ada di kalangan isteri ini tiba kemudian dari suami mereka. Namun begitu dalam tempoh pergolakan politik di Selatan Filipina pada tahun 1966 hingga 1976, ramai pendatang Filipina ini berhijrah beramai-ramai bersama keluarga; suami, isteri, anak-anak, ibu, bapa, cucu dan saudara mara yang lain sama-sama melarikan diri ke Sabah untuk mengelakkan perang. Seramai 26 orang (49.1%) responden membawa bersama isteri ataupun keluarga semasa berhijrah ke Sabah. Antara tahun 1977 hingga 1990 an (selepas perang di Selatan Filipina tamat) bentuk penghijrahan ini berubah sedikit. Kebanyakan keluarga Filipina ini berhijrah secara peringkat-peringkat (*chain migration*) iaitu di dahului oleh ketua keluarga iaitu suami, ayah dan anak-anak yang telah dewasa. Kemudian baharulah diikuti oleh isteri, anak-anak lelaki dan ahli-ahli keluarga yang lain (lihat bahagian 4.6). Keadaan sama berlaku di Semenanjung Malaysia di kalangan pendatang-pendatang Indonesia yang berhijrah di sana secara berperingkat-peringkat atau '*chain migration*' (Junipah Wandi, 1995:107).

Bentuk penghijrahan secara berperingkat-peringkat ini bertujuan agar sebuah keluarga yang berniat berhijrah ke Sabah kurang menghadapi masalah apabila semua keluarga mereka sampai ke negara ini. Ia dilakukan agar seorang ketua keluarga dapat menyediakan sekurang-kurangnya kemudahan tempat tinggal (rumah) sebelum ahli-ahli keluarga yang lain sampai ke Sabah. Biasanya perbezaan jarak tempoh penghijrahan

antara responden dengan ahli keluraga yang lain ialah antara setahun hingga 3 tahun. Namun begitu, sebahagian daripada responden (56.6%) berhijrah secara berkeluarga.²

Dari jadual 4.2, didapati seramai 15 orang (32.6%) isteri responden datang ke Sabah antara tahun 1960 hingga 1980 berbanding dengan jumlah 27 orang (50.9%) responden yang berhijrah dalam tempoh itu. Paling ramai isteri responden (60.9%) berhijrah antara tahun 1981 hingga 1990. Hanya seramai 3 orang (2.9%) sahaja isteri mereka yang berhijrah antara tahun 1991 hingga 1996. Jika dilihat dari segi tahun penghijrahan isi rumah pada setiap rumah responden, didapati seramai 39 orang (25.7%) datang ke Sabah antara tahun 1960 hingga 1980. Jumlah ini semakin meningkat kepada seramai 69 orang (45.4%) pada tempoh selanjutnya (1981 hingga 1990). Penghijrahan di kalangan isi rumah ini berterusan dalam tempoh tahun 1991 hingga 1996. Seramai 44 orang (28.9%) berhijrah pada tempoh itu walaupun ketika itu pihak berkuasa Sabah telah berusaha menyekat kemasukan pendatang tanpa izin.

4.3 Pengangkutan

Secara menyeluruh, ada tiga jenis pengangkutan laut yang utama yang digunakan oleh orang Filipina untuk berhijrah ke Sabah. Jenis pengangkutan ini iaitu lansa, kumpit dan tempel yang akan diuraikan seterusnya.

a) Lansa

Lansa sejenis perahu kecil (bersaiz 20 hingga 30 kaki panjang dan 8 hingga 10 kaki lebar). Ia dipercayai mula digunakan sejak awal abad ke-19 sebagai pengangkutan utama bagi orang Filipina untuk bergerak dari satu pulau ke sebuah pulau yang lain.


² Istilah “berkeluarga” yang dimaksudkan ialah responden yang berhijrah dari kalangan isteri dan anak-anak termasuk juga responden dari kalangan ibu bapa dan adik beradik mereka.

Lansa juga boleh dianggap sebagai pengangkutan yang paling tua atau tradisional. Pada mulanya lansa hanya menggunakan kain layar sebagai kuasa penggerak dalam pelayaran. Namanya lansa berasal dari perkataan dalam bahasa Suluk dan dikenali sebagai 'bogok' dalam bahasa Bajau. Sejenis alat dikenali sebagai 'basam' (berasal dari perkataan bahasa Suluk) dibina di belakang lansa sebagai mengemudi atau mengawal arah lansa (lihat gambarajah 4.1).³ Di kiri kanan perahu pula dibina dapang atau kayu pengimbang untuk mengekalkan kestabilan perahu (Kelana Jaman, 1994:35).

Pada hari ini, lansa telah menggunakan injin atau kuasa motor. Ia dikatakan lebih laju berbanding dengan menggunakan kain layar. Kelajuannya mencapai 5 hingga 15 Kilometer sejam dengan kuasa 5 hingga 15 'kuasa kuda'. Ia boleh membawa muatan penumpang seramai 15 hingga 20 penumpang untuk satu-satu perjalanan. Dari segi penghijrahan masuk ke Sabah, penggunaan lansa dianggap lebih selamat dari halangan pihak polis atau tentera laut sebab lansa mudah untuk masuk ke sungai-sungai kecil atau teluk yang sempit untuk bersembunyi. Perkara inilah yang menyulitkan pihak berkuasa untuk mengesan dan menangkap mereka. Lansa yang dimiliki oleh rakyat Filipina terutamanya yang bekerja sebagai nelayan, tidak digunakan untuk membawa rakyat Filipina ke Sabah seperti mana yang dilakukan oleh tekong yang membawa orang Indonesia masuk ke Semenanjung Malaysia. Lansa dari Filipina memasuki sempadan Sabah setiap hari dengan tujuan untuk berurus niaga dengan peniaga tempatan di Sabah. Fungsi sebenarnya lansa ini ialah untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan air yang disewakan kepada pelanggan-pelanggan mengikut destinasi yang hendak dituju (Kelana Jaman, 1993/1994:37).

³ Temu bual dengan Rosli Hajan pada 30 hb Jun 1997.

Gambarajah 4.1 Lansa



Lansa - Pengangkutan yang digunakan oleh orang Filipina semasa berhijrah.
Dipetik dari Kalana Jaman (1994), hlm 36


Oleh kerana pemilik lansa terlalu sering membawa penumpang pendatang tanpa izin ke Sabah maka pengusaha-pengusaha lansa ini juga menjadi tempat penumpang-penumpang menaruh harapan agar mereka lebih selamat tiba di Sabah tanpa sebarang kemalangan ataupun ditangkap oleh pihak berkuasa. Mereka menjadi sumber maklumat tentang cara-cara bagaimana pendatang tanpa izin boleh mencari kerja di Sabah. Pada hari ini jenis pengangkutan lansa semakin kurang digunakan oleh penghijrah-penghijrah tanpa izin Filipina, tetapi mereka lebih menggunakan ‘tempel’ sebagai pengangkutan utama berhijrah ke Sabah kerana pengangkutan jenis ini lebih laju berbanding dengan lansa.

b) Kumpit

Kumpit merupakan sejenis tongkang atau kapal besar yang sama saiznya dengan kapal-kapal pukat tunda (lihat gambarajah 4.2). Seperti lansa ia juga merupakan jenis pengangkutan tradisional. Ia juga dikenali sebagai bahtera atau bot besar yang digunakan sebagai kapal dagang yang membawa barang-barang yang ditukar dengan barang-barang dari peniaga-peniaga tempatan Sabah. Saiz kumpit ini mencapai kira-kira 40 hingga 50 kaki panjang dan 15 hingga 20 kaki lebar. Oleh kerana saiznya besar maka ia boleh membawa seramai kira-kira 100 orang penumpang. Kelajuan hanya kira-kira 5 hingga 15 Kilometer sejam.

Kumpit menjadi pengangkutan penting di kalangan penghijrah-penghijrah Filipina sejak zaman pergolakan politik di Selatan Filipina di bawah pentadbiran kerajaan Marcos. Ramai pelarian Filipina ini menggunakan kumpit untuk berhijrah ke Sabah. Tetapi selepas tamatnya perperangan di Filipina, pengangkutan ini kurang digunakan oleh pendatang-pendatang tanpa izin Filipina kerana mereka lebih suka

Gambarajah 4.2 Kumpit



Kumpit bersaiz 40-50 kaki panjang & 15-20 kaki lebar

Sumber: Dipetik dari Kelana Jaman, 1993/94, muka surat 38.

menggunakan perkhidmatan ‘tempel’ yang lebih laju dan selamat dari halangan-halangan pihak berkuasa.


Pada hari ini, kumpit masih lagi digunakan sebagai kapal dagang. Di samping itu, ia juga digunakan sebagai kapal pengangkutan yang membawa penumpang yang memasuki perairan Sabah secara sah. Namun begitu, ada juga sebahagian dari pengusaha-pengusaha kumpit ini yang sanggup menyembunyikan pendatang tanpa izin di tempat menyimpan barang-barang dagangan untuk menyeludupkan mereka masuk ke Sabah. Biasanya jika responden-responden yang datang ke Sabah menggunakan pengangkutan jenis kumpit, mereka terpaksa melalui hanya dua pelabuhan atau jeti yang dibina di bahagian Pantai Timur Sabah iaitu di Sandakan dan Tawau. Pelabuhan berkenaan dikawal oleh pihak Jabatan Imigresen Sabah.

c) Tempel

Tempel ialah pengangkutan laut yang semakin popular di kalangan orang Filipina yang berhijrah ke Sabah pada dekad ini (lihat gambarajah 4.3 dan 4.4). Boleh dikatakan tempel merupakan jenis pengangkutan perahu yang paling moden berbanding dengan lansa dan kumpit. Bentuknya lebih kurang sama seperti bentuk “perahu Binsuluk” yang dimiliki oleh orang tempatan di daerah Kuala Penyu, Sabah dan boleh memuatkan penumpang seramai antara 15 hingga 35 orang.

Walaupun saiznya lebih kurang sama dengan lansa (bersaiz antara 20 hingga 30 kaki panjang dan 8 hingga 10 kaki lebar) dan agak kecil berbanding dengan kumpit, namun pada masa sekarang ia mempunyai kelajuan yang tinggi iaitu 30 hingga 45

Gambarajah 4.3 Tempel Tradisional



Gambarajah 4.4 Tempel Yang Menggunakan Injin Sangkut



Kilometer sejam dengan kuasa injin sangkut antara 30 hingga 45 “kuasa kuda”. Dengan menggunakan tempel ini masa perjalanan dari pulau-pulau dari Selatan Filipina misalnya dari pulau Tawi-Tawi ke Sabah mengambil masa hanya antara 2 hingga 3 jam sahaja.

Bagaimanapun, pada dahulunya sebelum tempel menggunakan injin sangkut (lihat gambarajah 4.3) kelajuannya yang sama seperti lansa iaitu 5 hingga 15 Kilometer sejam (5 hingga 15 kuasa kuda). Tetapi kelajuan itu semakin bertambah sekarang kerana pengusaha atau pemilik-pemilik tempel hari ini semakin berkemampuan untuk membeli injin-injin sangkut yang mempunyai kuasa besar. Pada masa sekarang, tempel bukan sahaja digunakan sebagai pangangkutan yang membawa penumpang-penumpang yang berhijrah atau berkunjung ke Sabah tetapi juga sebagai pembawa barang-barang seludup seperti arak,⁴ rokok, ganja, senjata api dan barang-barang runcit dari Filipina.⁵

Di Kampung Bakau, tempel bukan sahaja terhad untuk tujuan membawa penumpang berulang alik dari Sabah ke Filipina tetapi juga untuk keperluan sendiri termasuk untuk mencari ikan. Kebanyakan orang yang memiliki tempel, sering sahaja pergi berulang alik ke Filipina untuk melawat kampung halaman atau keluarga di sana.

Pada keseluruhan semua responden yang ditemui di Kampung Bakau berhijrah ke Sabah dengan menggunakan pengangkutan laut. Dengan adanya banyak pulau di Kepulauan Filipina termasuk kawasan berhampiran dengan sempadan Sabah, mudah bagi kapal-kapal ataupun bot-bot dari Filipina singgah dari satu pulau ke satu pulau untuk berlindung seketika. Berdasarkan kajian dilakukan oleh Kelana Jaman (1993/94) di

⁴ Pemerhatian pengkaji pada 12 Mei 1996 jam 12.20 petang.

⁵ Pengkaji mengandaikan barang-barang lain seperti rokok, senjata api dan barang-barang runcit ini diseludup melalui pengangkutan tempel kerana lansa dan kumpit tidak cenderung digunakan sebagai pangangkutan utama kerana kurang laju berbanding tempel.

Sandakan, paling ramai penghijrahan orang Filipina ke Sabah menggunakan pengangkutan ‘lansa’ dan ‘kumpit,’ mana kala penemuan kajian Zulkiflie Hassan (1993/94) dan Maria David (1996) di Kota Kinabalu menunjukkan mereka menggunakan lansa sebagai pengangkutan utama untuk datang ke Sabah.

Bagaimanapun, keadaan ini agak berbeza dari apa yang ditemui di Lahad Datu. Pengangkutan yang paling utama digunakan adalah “Tempel” sehingga pihak berkuasa polis di Sabah menghalang kemasukan pendatang tanpa izin Filipina ini dengan mengadakan operasi yang dikenali sebagai ‘Ops Tempel’ sempena nama pengangkutan yang digunakan oleh pendatang tanpa izin di perairan Pantai Timur Sabah. Seramai 50 orang (94.3%) responden di Kampung Bakau menggunakan tempel semasa berhijrah ke Sabah dan hanya dua orang (3.8%) sahaja yang menggunakan kumpit. Seorang (2.1%) responden pula tidak tahu kenderaan apa yang digunakan kerana semasa berhijrah responden itu masih kecil (lihat jadual 4.3).

Jadual 4.3
Jenis Kenderaan Semasa Penghijrahan

Jenis Kenderaan	Bil. Responden	Peratus (%)
Tempel	50	94.3
Kumpit	2	3.8
Lansa	0	0
Tidak Tahu	1	2.1
Jumlah	53	100

Sumber: Borang Soal Selidik Pada Mei-Jun 1996

Nota; Bilangan responden 56 orang & dilahirkan di Sabah 3 orang

Kadar tambang bagi ketiga-tiga jenis pengangkutan laut ini tidaklah berbeza sangat. Bagaimanapun, kadar tambang ini sentiasa berubah bergantung kepada bila penghijrahan dilakukan. Menurut responden kadar tambang pada tempoh tahun 1960 an dan 1970 an ialah antara 15 pesos hingga 30 pesos (kira-kira RM 15-35) seorang iaitu lebih rendah berbanding tambang pada tahun 1980an dan 1990an.⁶ Namun nilai mata wang pesos pada tempoh itu adalah lebih tinggi berbanding dengan nilai mata wang ringgit Malaysia. Tetapi sejak berlakunya kemelesetan ekonomi di negara Filipina selepas pergolakan politik di bawah kepimpinan Marcos (1971 hingga 1976), nilai mata wang pesos telah turun dengan mendadak. Keadaan ini menyebabkan nilai mata wang ringgit Malaysia pula menjadi lebih tinggi berbanding dengan pesos Filipina. Pada hari ini, kadar tambang dari Selatan Filipina ke Sabah meningkat kepada 300 pesos hingga 500 pesos atau RM 30-50 untuk seorang penumpang.

4.4 Cara Datang Ke Sabah

Didapati seramai 49 orang (92.5%) responden berhijrah sendiri secara tidak sah dan tiga responden berhijrah secara sah kerana memiliki pasport. Mereka tidak mengikut mana-mana agensi untuk berhijrah ke Sabah (lihat jadual 4.4). Hanya 3 orang (5.7%) sahaja daripada responden di Kampung Bakau ini telah mengikut agensi semasa berhijrah ke Sabah. Seorang daripada responden ini telah mengikuti agensi dari Sabah bernama “Tiram Astet Sdn. Bhd.” dan dua responden yang lain tidak ingat lagi nama agensi yang mereka ikuti. Ketiga-tiga responden ini tidak dapat dipastikan berhijrah secara sah atau

⁶

Kadar tukaran wang bagi 3.44 pesos = RM 1 (Ringgit Malaysia) pada tahun 1980 dan 7.93 pesos = RM 1 pada tahun 1988 dipetik dari Patrick Pillai (1992:48). Pada tahun 5 Mac 1998 kadar nilai pesos ini meningkat iaitu 100 pesos = RM 10.1000 (9.90099009901 pesos = RM 1) dari Malayan Banking Berhad.

tidak. Ini kerana agensi yang disebutkan itu hanya membuka peluang kepada mereka bekerja di ladang-ladang di Sabah.

**Jadual 4.4
Cara Berhijrah Ke Sabah**

Cara	Bil	%
Agensi	3	5.7
Sendiri	49	92.5
Tidak Tahu	1	1.9
JUMLAH	53	100

Sumber; Borang Soal Selidik antara Mei hingga Jun 1996.

4.5 Jangka Masa dan Pengalaman Penghijrahan

Jangka masa perjalanan atau pelayaran yang dialami oleh setiap responden yang berhijrah ke Sabah adalah bergantung kepada jenis pengangkutan yang digunakan dan tahun bila mereka berhijrah.

Jika dilihat dari segi jenis pengangkutan, pengangkutan laut merupakan paling cepat berbanding dengan pengangkutan udara pada hari ini. Ini disebabkan, orang Filipina yang ingin datang ke Sabah menaiki kapal terbang terpaksa terlebih dahulu pergi ke lapangan terbang di bandar Zamboanga (Kepulauan Mindanao) kemudian ke Lapangan Terbang Antarabangsa Manila dan ini mengambil dalam masa kira-kira 4 jam.⁷ Selepas itu barulah terbang ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu. Sekiranya mereka orang Filipina yang berada di Kepulauan Selatan Filipina seperti Tawi-Tawi, Jolo, Siasi dan Basilan, maka jangka masa perjalanan yang ambil adalah

⁷ Tidak termasuk jangka masa perjalanan pengangkutan laut dari Kepulauan Selatan Filipina seperti Tawi-Tawi, Kepulauan Sulu, Jolo, Basilan dan Siasi.

lebih lama kerana melibatkan pelayaran atau pergerakan pengangkutan laut dari pulau ke pulau menuju ke bandar Zamboanga kemudian dari sana mereka menaiki kapal terbang menuju ke bandar Manila dan ke Kota Kinabalu.

Jangka masa perjalanan yang diambil melibatkan perjalanan laut dan udara ialah kira-kira 5 hingga 8 jam dengan kadar tambang kira-kira antara 7,000 hingga 10,000 pesos (RM 700-1000). Sekiranya mereka menggunakan pengangkutan laut dari kepulauan Tawi-Tawi ke Sabah misalnya, jangka masa perjalanannya adalah lebih cepat iaitu kira-kira 2 hingga 3 jam sahaja dengan kadar tambang antara 500 hingga 800 pesos (RM 50-80) sahaja.

Oleh kerana jangka masa perjalanan yang diambil adalah lebih lama dan kadar tambang yang lebih mahal, maka jenis pengangkutan udara bukanlah suatu pengangkutan yang dianggap sesuai untuk datang ke Sabah. Tambahan pula, perjalanannya melalui udara memerlukan ‘pasport.’

Kos pengangkutan udara yang tinggi, masa perjalanan yang lebih panjang dan peraturan imigresen yang perlu dipatuhi menyebabkan tidak ada seorang pun responden yang berhijrah ke Sabah menaiki kapal terbang (lihat jadual 4.3). Semua responden menggunakan pengangkutan laut seperti tempel dan kumpit. Jangka masa perjalanan yang diambil menaiki pengangkutan ini adalah bergantung kepada bila penghijrahan dilakukan. Pada hari ini penggunaan pengangkutan jenis tempel mengambil masa yang begitu cepat iaitu antara dua hingga tiga jam sahaja kerana tempel mempunyai kuasa injin yang besar dan kelajuan antara 30 hingga 45 Kilometer sejam. Seramai 3.7% daripada responden yang berhijrah pada dekad 1990an ini datang dengan tempel (lihat jadual 4.5).

Jadual 4.5
Jangka masa Penghijrahan atau Pelayaran Ke Sabah

Jangka masa	Bil.Responden	Peratus (%)
Kurang 5 jam	2	3.7
5 - 10 jam	3	5.7
11 - 15 jam	8	15.1
16 - 20 jam	3	5.7
21 - 25 jam	10	18.9
26 - 30 jam	15	28.3
Lebih 30 jam	11	20.8
Tidak Tahu	1	1.9
Jumlah	53	100

Sumber: Borang Soal Selidik antara Mei-Jun 1996
Seramai 3 responden keturunan Filipina di lahirkan di Sabah.

Dari jadual 4.5 didapati paling ramai responden (49.1%) mengambil masa lebih dari 25 jam untuk sampai ke Sabah iaitu lebih dari sehari perjalanan. Seramai 24% pula mengambil masa antara 16 hingga 25 jam dan 18.1% antara 5 hingga 15 jam perjalanan. Ada juga sebilangan responden berhijrah dengan mengambil masa dua atau tiga hari perjalanan kerana terpaksa singgah berehat dan bermalam di pulau-pulau yang berdekatan sementara meneruskan perjalanan pada keesokkan harinya. Kadang-kadang mereka hanya berhenti berehat di tepi pantai sahaja. Ada juga sebahagian daripada mereka yang menumpang sementara di rumah kenalan atau saudara mara yang berada di pulau yang disinggahi itu.

Kebanyakan orang Filipina ini datang ke Daerah Lahad Datu secara tidak sah melalui laut kerana mereka merasakan cara ini adalah lebih mudah berbanding secara sah. Jika datang secara sah mereka terpaksa menyediakan pasport dan terlebih dahulu masuk melalui '*port of entry*' Jabatan Imigresen di Sandakan ataupun Tawau sebelum ke Daerah Lahad Datu.

Jangka masa perjalanan agak lama bagi penghijrah-penghijrah yang datang antara tahun 1960 an hingga 1980 an. Pengangkutan yang dinaiki pada masa itu belum lagi mempunyai kuasa kelajuan yang tinggi hanya antara 10 hingga 15 Kilometer sejam sahaja.

Banyak peristiwa yang menarik, menakutkan dan menyediakan dirasai oleh mereka ketika dalam perjalanan ke Sabah. Perasaan yang mereka alami berkait rapat dengan cara kedatangan mereka dan keadaan cuaca yang dirintangi semasa berhijrah. Menurut seorang responden, ada cerita yang menyebutkan bahawa sebilangan orang Filipina yang terdiri daripada orang dewasa dan kanak-kanak telah mati dalam pelayaran ke Sabah akibat lansa mereka karam dipukul ribut di tengah-tengah lautan. Peristiwa-persitiwa ini menyebabkan pengusaha-pengusaha tempel, lansa dan kumpit pada hari ini tidak lagi belseyari sekiranya mereka menjangkakan akan berlaku ribut ataupun cuaca buruk.

Oleh kerana penghijrahan masuk pendatang Filipina ini kebanyakannya secara tanpa izin atau tanpa dokumen perjalanan yang sah, maka kemasukan mereka ke perairan Sabah merupakan suatu risiko yang terpaksa dihadapi. Pada mulanya iaitu pada zaman pergolakan politik di Selatan Filipina semasa kerajaan Marcos 1970 hingga 1975 kemasukan mereka ke sempadan perairan Sabah tidak dihalang atau disekat oleh pihak berkuasa polis dan Imigresen Sabah, kerana kerajaan Sabah di bawah pemerintahan Tun Mustapha telah mengamalkan dasar prikemanusiaan untuk melindungi pelarian-pelarian dari Selatan Filipina seperti yang dijelaskan dalam bab 2. Tetapi selepas tahun 1976, dasar ini berubah sedikit. Walaupun Kerajaan Negeri Sabah kelihatan tidak begitu mengamalkan dasar yang tegas untuk mengawal kemasukan orang dari Filipina namun kawalan di perairan sempadan Sabah dan Filipina tetap dijalankan. Jika tidak bernasib

baik, orang Filipina yang datang ke Sabah secara tanpa izin ini akan ditahan oleh pihak berkuasa sama ada di perairan sempadan ataupun di tempat-tempat yang dikenal pasti sebagai tempat pendaratan. Kadang-kadang mereka akan ditahan beberapa hari di balai polis sebelum dijamin oleh orang tertentu sama ada bakal majikan ataupun saudara mara mereka.

Mengikut beberapa responden setiap pendatang tanpa izin yang ditangkap dan ditahan diberikan peluang untuk dijamin oleh pihak-pihak tertentu sama ada para majikan yang ingin mengambil mereka sebagai pekerja atau saudara mara mereka yang sedia ada di Sabah. Bayaran jaminan yang dikenakan kepada setiap satu kepala adalah sebanyak RM 50. Selepas butir-butir peribadi tahanan diambil, pendatang tanpa izin ini akan diserahkan kepada orang yang menjamin. Penjamin dipertanggung jawabkan untuk menguruskan permit kerja ataupun pas kerja di Jabatan Imigresen. Nasib malang dialami apabila tidak ada seorang pun yang sanggup menjamin pendatang tanpa izin yang ditahan. Mereka akan di bawa ke Pusat Tahanan Sementara di Tawau sebelum diusir atau dihantar pulang ke negara asal.

Ada juga cara-cara lain untuk melepaskan diri dari tahanan pihak berkuasa seperti yang dialami oleh dua orang responden bernama Mak Hajar dan Pak Hadaki. Semasa mereka datang ke Sabah mereka telah ditangkap oleh pihak berkuasa, tetapi mereka dapat melepaskan diri dari halangan pihak berkuasa di Sabah. Pengalaman mereka adalah seperti berikut:

a) Kes Kak Hajar (Bil. Responden 28)

Beliau seorang janda berusia 38 tahun yang bercerai setelah datang ke Sabah. Beliau berhijrah ke Sabah secara tanpa izin pada tahun 1993. Semasa berhijrah beliau menaiki tempel dari Pulau Bongao bersama 30 orang penumpang. Pada

masa itu beliau dan bekas suaminya membawa bersama 5 orang anak datang ke Sabah bertujuan mencari pekerjaan. Menurutnya, walaupun mereka berjaya melepas halangan pihak berkuasa di perairan sempadan di laut, tetapi nasib keluarga mereka sungguh malang apabila ditahan oleh 2 orang polis yang bertugas di kawasan Felda Sahabat 16, selepas mereka mendarat di sana. Bagaimanapun, pihak polis berkenaan sanggup berunding untuk melepaskan mereka dengan syarat mereka membayar sebanyak RM 60 (600 pesos). Beliau terpaksa menurut permintaan itu, asalkan mereka dilepaskan jelas beliau.⁸

b) Kes Pak Hadaki (Bil. Responden 9)

Beliau berumur 65 tahun ketika berhijrah ke Sabah pada Februari 1995 secara tanpa izin. Semasa berhijrah beliau menaiki tempel bersama 17 orang penumpang bertolak dari Pulau Siasi ke Pulau Bongao dan mendarat di Kampung Pangkalan di Kunak kemudian ke Lahad Datu menaiki bas. Tujuan beliau berhijrah ke Sabah untuk mengikut anak yang menetap di Kampung Bakau. Menurutnya semasa penghijrahan, beliau juga menerima nasib yang malang apabila ditahan oleh pihak berkuasa di tengah-tengah laut. Bagaimanapun, mereka telah dilepaskan apabila pengusaha tempel membayar kepada pihak berkuasa berkenaan sebanyak 17,000 pesos (RM 170) hasil dari wang yang dikumpul dari setiap penumpang yang membayar 300 pesos (RM 30) seorang.”⁹

Dari pengalaman-pengalaman penghijrahan ini, maka dapatlah dirumuskan bahawa ramai pendatang tanpa izin di Sabah menganggap pemberian rasuah kepada pihak berkuasa telah menjadi satu kelaziman kepada mereka sebagai cara melepaskan diri dari ditangkap oleh pihak berkuasa sama ada di perairan sempadan ataupun mananya tempat di negeri Sabah. Penulis tidak dapat memastikan tangkapan mereka ini benar atau tidak.

⁸ Temu bual pada 15 Mei 1996 dan pengkaji tidak dapat memastikan kesahihan cerita ini.
⁹ Temu bual pada 12 Mei 1996 dan pengkaji tidak dapat memastikan kesahihan cerita ini.

4.6 Tempat Bertolak, Singgah dan Mendarat

Wilayah-wilayah di Selatan Filipina yang terdiri dari banyak pulau menjadikan pengangkutan laut seperti bot-bot kecil, lansa, tempel dan kumpit menjadi suatu kenderaan yang penting untuk perjalanan. Persisiran pantai di kawasan-kawasan Kepulauan Filipina ini juga menjadi penting sebagai pelabuhan atau jeti bagi pengangkutan sama ada yang dimiliki oleh pengusaha-pengusaha mahupun orang persendirian.

Jadual 4.6
Tempat Bertolak dan disinggahi Oleh Responden Mengikut Jenis Kenderaan

TEMPAT BERTOLAK	Jenis Kenderaan		Tempat-Tempat Persinggahan				
	TEMPEL	KUMPIT	Bongao	Setanhgkai	Jolo	Bongao + Setangkai	Tidak Singgah
Siasi	5	-	4	1	-	-	-
Sibutu	1	-	-	-	-	-	1
Tawi-Tawi* (Bongao)	8	2	-	1	-	-	9
Jolo	21	-	12	1	-	4	4
Basilan	2	-	-	-	1	1	-
Mindanao	13	-	10	-	-	3	-
Jumlah	50	2	26	3	1	8	14

Sumber: Borang Soal Selidik pada Mei hingga Jun 1996.

Nota: Seramai 3 orang resopnden keturunan Filipina di lahirkan di Sabah
Seorang daripada responden tidak tahu pengalaman penghijrahan.


Di kalangan responden di Kampung Bakau (lihat jadual 4.6), sebahagian besar (96%) telah datang tanpa melalui "*authorised port of entry*" di Selatan Filipina untuk bertolak ke Sabah. Semua responden ini bertolak secara bebas dari kampung-kampung asal mereka misalnya dari Pulau Jolo (Kepulauan Sulu) seramai 40%, dari Kepulauan Mindanao seramai 25%, dari Kepulauan Tawi-Tawi seramai 19% dan tempat lain-lain dari Pulau Siasi, Pulau Basilan dan Pulau Sibutu seramai 19% (lihat jadual 4.6 dan peta 4.1). Kesemua mereka belseyar menggunakan tempel. Hanya dua orang (4%) responden

bertolak ke Sabah melalui '*authorised port of entry*.' Kedua-dua orang responden ini bertolak dari Pulau Bongao (Kepulauan Tawi-Tawi) dengan menggunakan kumpit.

Seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.6, didapati paling ramai (64.2%) responden telah singgah di Pulau Bongao (lihat peta 4.1) sebelum sampai ke Sabah. Boleh dikatakan bahawa pulau ini menjadi persinggahan utama kepada orang Filipina untuk berehat dari penat akibat pelayaran ataupun bermalam untuk meneruskan pelayaran pada keesokan harinya. Ada juga responden yang singgah di Pulau Bongao untuk mencari tempel lain untuk meneruskan pelayaran ke Sabah. Selain dari itu, ada juga responden (15.1%) yang singgah di dua tempat sebelum mereka sampai ke Sabah iaitu mula-mula mereka singgah di Bongao kemudian sekali lagi di Pulau Setangkai. Hanya 5.7% daripada mereka singgah hanya di Pulau Setangkai, mana kala seramai 14 orang (26.4%) pula belayar terus ke Sabah tanpa singgah di mana-mana.

Di Sabah sungguh banyak tempat-tempat yang dikenal pasti sebagai tempat pendaratan mereka. Oleh kerana, ramai responden ini berhijrah ke Sabah bukan melalui perjalanan yang sah maka mereka memilih tempat-tempat pendaratan yang lebih selamat dari ditangkap oleh pihak berkuasa polis atau Imigresen. Biasanya tempat-tempat pendaratan ini, adalah kampung-kampung yang mereka tuju ataupun kawasan-kawasan bakau atau persisiran pantai yang tidak dikawal oleh pihak berkuasa di mana mereka bersembunyi. Kadang-kadang, walaupun semasa penghijrahan mereka telah menentukan tempat pendaratan yang hendak dituju, tetapi mereka mengubah hala sekiranya mereka melihat halangan pihak Polis Merin di hadapan kawasan yang ingin dilalui. Tidak semua pendatang Filipina di kampung ini terus mendarat di Kampung Bakau dan lain-lain kawasan di daerah Lahad Datu. Mereka mendarat di lain-lain daerah seperti Sandakan,

PETA 4.1: TEMPAT-TEMPAT BERTOLAK DAN DISINGGAHI



Sumber: Peta dilukis sendiri oleh Pengkaji pada 12/12/96.
(tidak mengikut skala)

Kunak, Semporna dan Tawau dan dari tempat itu mereka kemudiannya berhijrah ke Lahad Datu.

Dari jadual 4.7 didapati paling ramai (62.3%) responden mendarat di daerah Lahad Datu (lihat peta 4.2). Kawasan-kawasan pendaratan itu terdiri dari Kampung Singahmata, Kampung Ibil, Kampung Panji, Kawasan Felda Sahabat 16, Kawasan Tanjung Labian dan Sungai Bilis di Tengku dan Kastam di Lahad Datu. Malah terdapat juga responden yang mendarat terus ke Kampung Bakau iaitu kawasan kajian. Di tempat-tempat pendaratan ini, terdapat petempatan atau perkampungan pendatang Filipina yang terletak di atas air di tepi laut atau paya bakau. Kemungkinan besar kedudukan kampung-kampung yang disebutkan yang terletak di tepi laut ataupun paya bakau inilah memudahkan pendatang-pendatang tanpa izin menyusup masuk ke rumah saudara mara mereka yang berada di kampung-kampung tersebut.

Selain dari itu, ramai responden telah mendarat di daerah lain seperti di Semporna (17%) iaitu di Kampung Simunol, Pulau Bait, Kampung Selamat, Kg. Bugaya dan Kg. Sinalang. Sementara masing-masing 8% pula mendarat di daerah Sandakan dan Kunak seperti di Kampung BDC, Kampung Gas, Kampung Sim-Sim dan Kampung Bahagia di Sandakan, Kampung Pangkalan, Kampung Gadung, Kampung Basilan di Kunak; dan tempat pendaratan lain seperti di Kampung Ice Box dan Batu 4, Jalan Apas di daerah Tawau. Semua kampung tempat pendaratan yang disebutkan responden ini bukanlah melalui *authorised port of entry* di Sabah. Bahkan tiga daripada responden yang memiliki pasport juga mendarat terus ke Kampung Ibil di Lahad Datu.


Jadual 4.7
Tempat-Tempat Pendaratan Di Sabah

Tempat Mendarat	Tahun Penghijrahan								
	<1966	1966-1970	1971-1975	1976-1980	1981-1985	1986-1990	1991-1995	1996	Jumlah
(a) Lahad Datu									33
Kg. Singahmata	-	-	1	3	1	-	-	-	5
Kg. Ipil	-	-	6	3	3	6	-	-	18
Kg. Panji	-	-	-	-	1	-	-	-	1
Kg. Bakau	-	-	-	-	-	-	-	-	0
Felda Sahabat (16)	-	-	-	-	2	2	1	1	6
Tanjung Labian	-	-	1	-	-	-	-	-	1
Sg. Bilis Tengku	-	-	-	-	-	1	-	-	1
Kastam	-	1	-	-	-	-	-	-	1
(b) Semporna									9
Kg Simunol	-	-	-	1	2	1	-	-	4
Pulau Bait	-	-	2	-	-	-	-	-	2
Kg. Selamat	-	-	-	1	-	-	-	-	1
Kg. Bugaya	-	-	1	-	-	-	-	-	1
Kg. Sinalang	-	-	1	-	-	-	-	-	1
(c) Sandakan									4
Kg. BDC	1	-	-	-	-	-	-	-	1
Kg. Gas	-	-	-	1	-	-	-	-	1
Kg. Sim-Sim	1	-	-	-	-	-	-	-	1
Kg. Bahagia	-	-	-	-	1	-	-	-	1
(d) Tawau									2
Batu 4, Jln Apas	-	-	-	1	-	-	-	-	1
Kg. Ice Box	-	-	-	1	-	-	-	-	1
(e) Kunak									4
Kg. Pangkalan	-	-	-	-	-	1	1	-	2
Kg. Gadung	-	-	-	1	-	-	-	-	1
Kg. Basilan	-	-	-	-	-	1	-	-	1
Tidak Tahu									1
Jumlah	2	1	12	12	10	12	2	1	53

Sumber: Borang Soal Selidik pada Mei hingga Jun 1996.

Nota: 3 responden keturunan Filipina yang dilahirkan di Sabah

PETA 4.2
KAWASAN PENDARATAN PENDATANG FILIPINA DI SABAH



Sumber: Dilukis sendiri oleh pengkaji pada 30 Jun 1997
(tidak menonjolit skala)

Di antara tahun 1991 hingga 1996, kawasan yang masih menjadi pintu masuk pendatang tanpa izin Filipina adalah Kampung Bakau, Kawasan Felda Sahabat 16, Sungai Bilis di Tengku dalam daerah Lahad Datu dan Kampung Pangkalan di daerah Kunak.

4.7 Teman Semasa Berhijrah

Semasa berhijrah ke Sabah kebanyakan responden (73.6%) menjelaskan mereka mempunyai teman mana kala hanya 14 orang (26.4%) yang datang secara bersendirian (lihat jadual 4.8). Bagi yang berteman sebilangan responden ini diiringi ahli-ahli keluarga kerana mereka berniat untuk mencari kehidupan baru di Sabah. Jadual 4.8 menunjukkan, paling ramai responden berhijrah bersama keluarga yang terdiri daripada isteri dan anak-anak (26.4%), bersama-sama keluarga¹⁰ (11.3%), isteri, anak dan saudara mara¹¹ (5.7%), suami isteri (5.7) dan isteri, anak, saudara dan kawan (3.8%). Bagaimanapun, dalam pelayaran ke Sabah para responden (92.4%) disertai oleh penumpang lain yang tidak dikenali berjumlah antara 9 sehingga ke 500 orang.¹²

Jelaslah bahawa sebilangan besar responden datang dengan orang yang dikenali. Biasanya mereka yang berhijrah ke Sabah, akan berbincang dengan saudara mara dan kenalan untuk pergi bersama-sama bagi memudahkan lagi perjalanan. Dengan cara ini mereka boleh mulakan penghijrahan dengan cepat kerana secara beramai-ramai mereka boleh menyewa tempel.

¹⁰ Bagi responden yang berhijrah mengikut ibu bapa dan adik beradik yang lain.

¹¹ Saudara mara termasuk adik beradik, sepupu, bapa saudara dan emak saudara.

¹² Jumlah penumpang lain ini mencapai 500 orang kerana belayar menaiki kumpit.

Jadual 4.8
Teman Responden semasa Berhijrah Ke Sabah

TEMAN SEMASA BERHIJRAH	Bil	%
Sendiri	14	26.4
Isteri	3	5.7
Saudara	2	3.8
Kawan	3	5.7
Ibu Sahaja	2	3.8
Isteri & Anak	14	26.4
Isteri & Anak & Saudara	3	5.7
Keluarga	6	11.3
Anak & Kawan	1	1.9
Isteri & Anak & Kawan	1	1.9
Isteri+Anak+Sudara+Kawan	2	3.8
Isteri & Ibu & Saudara	1	1.9
Tidak Tahu	1	1.9
Jumlah	53	100

Sumber: Borang Soal Selidik Pada Mei Hingga Jun 1996

Nota: 3 responden keturunan Filipina dilahirkan di Sabah

4.8 Orang Yang Menanti Semasa Pertama Kali Sampai di Sabah

Pendatang Filipina biasanya ditunggu oleh orang tertentu sebaik mereka mendarat di Sabah. Kajian ini mendapati paling ramai responden iaitu 33 orang (62.3%) disambut oleh ahli-ahli keluarga dan saudara mara yang telah sedia ada di Sabah (lihat jadual 4.9). Selainnya disambut oleh mandur (7.5%), kawan-kawan (11.3%), agensi pekerjaan iaitu Tiram Astet Sdn Bhd (1.9%) dan lain-lain misalnya oleh keluarga angkat (5.7%).

Bagi responden yang disambut oleh ahli-ahli keluarga, saudara mara, kawan-kawan dan keluarga angkat, biasanya sebelum berhijrah mereka telah merancang tarikh dan masa sampai di Sabah. Mereka lebih dahulu berhubung dengan ahli-ahli keluarga ataupun saudara mara yang berada di Sabah untuk memberitahu tarikh dan masa yang

dijangka untuk tiba. Mereka mengharapkan ahli-ahli keluarga tadi menunggu kedatangan mereka untuk mengelakkan diri mereka dari kesulitan-kesulitan mendapatkan tempat tinggal sementara di Sabah. Lagipun, mereka juga diharapkan akan dapat membantu responden mencari pekerjaan.

Jadual 4.9
Orang Yang Menanti Responden Semasa Mula-Mula Sampai Ke Sabah

PIHAK/ORANG MENANTI	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
Agensi Pekerjaan	1	1.9
Mandur	4	7.5
Ahli Keluarga & Saudara	33	62.3
Kawan-kawan	6	11.3
Lain-Lain	3	5.7
Tiada	5	9.4
Tidak Tahu	1	1.9
Jumlah	53	100

Sumber: Borang Soal Selidik Pada Mei Hingga Jun 1996.

Nota: 3 responden keturunan Filipina dilahirkan di Sabah.

Ada juga sebahagian mandur mencari pekerja-pekerja ke Selatan Filipina yang sememangnya telah membuat perjanjian (lisan) terhadap mereka untuk memberikan peluang pekerjaan dan tempat tinggal sekiranya responden datang ke Sabah. Sebilangan mandur ini belum pernah bertemu atau mengenali responden. Namun mandur berkenaan akan menanti mereka di tempat mendarat seperti mana yang telah ditentukan ataupun responden sendiri mencari alamat di mana mandur berkenaan itu tinggal. Jika responden yang berhijrah ini ditahan oleh pihak berkuasa polis, mandur tersebut akan dihubungi polis supaya menjamin pendatang tanpa izin Filipina ini dan seterusnya memberi pekerjaan kepada mereka. Sebanyak 7.5% responden yang dinanti oleh mandur.

Kajian ini, mendapati ada juga sebahagian daripada responden (9.4%) yang tiba di Sabah tanpa ditunggu oleh sesiapa pun. Mereka tidak mempunyai kenalan di Sabah,

dan penghijrahan mereka tidak dirancang bersama orang tertentu. Mereka ingin mencuba nasib atau mencari kehidupan baru di Sabah. Setiba mendarat di Sabah, mereka mengharapkan ada majikan yang akan menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka dan memberi kemudahan tempat tinggal di tempat kerja seperti di kawasan tapak binaan atau kongsi. Selain dari itu, sebanyak 1.9% responden dinanti oleh agensi pekerjaan semasa mula-mula sampai di Sabah. Mereka ini seperti yang telah dihuraikan dalam bahagian 4.4, adalah orang yang dibawa khas oleh agensi tersebut untuk bekerja sebagai buruh di ladang-ladang pertanian di Sabah.

4.9 Sebab-Sebab Penghijrahan

4.9.1 Faktor Tolakan

I) Masalah Ekonomi

Masalah ekonomi merupakan faktor utama mengapa rakyat Filipina berhijrah bukan sahaja ke Sabah malah ke seluruh dunia sama ada ke Amerika, Eropah, Timur Tengah, Korea, Jepun, Australia dan Kanada. Pertumbuhan ekonomi yang lembap menyebabkan penduduknya mengalami kadar pengangguran yang tinggi. Pada tahun 1979, negara Filipina mengalami pengangguran seramai 2.3 juta orang dan meningkat kepada 2.6 juta pada tahun 1985 (Confesor, 1993:35). Menurut laporan '*National Statistics Coordination Board*,' Filipina pada tahun 1981 hingga 1985 kadar purata pengangguran di Filipina mencapai sebanyak 9.5% dan menurun sedikit kepada 8.8% pada tahun 1986-1990 (Villegas, 1993:87).

Setelah dekad 1990-an negara Filipina masih lagi gagal memulihkan ekonominya dan membaiki taraf kemiskinan rakyatnya. Pada tahun 1991, kadar inflasi di Filipina mencapai 17.7% (Paderanga, 1993:21-22). Namun, kadar inflasi ini menurun kepada

5.1% pada tahun 1997 (Asian Development Bank Annual Report, 1997: 113). Diukur dari segi kemiskinan, hampir 30 juta dari penduduk Filipina (58 juta) hidup di bawah garis kemiskinan seperti yang dicatat dalam *World Bank Report* tahun 1988 (Shahani, 1991: 24). Pada tahun 1992, dicatatkan 60% dari penduduk negara Filipina hidup dalam kemiskinan iaitu 4.2 juta keluarga pada tahap garis kemiskinan dan 3.2 juta pula di bawah garis kemiskinan (Nieva, 1993:218). Sementara pada tahun 1994, tahap kemiskinan Filipina masih kekal tinggi iaitu mencapai 4.5 juta keluarga (27.3 juta orang) merupakan 40.6% dari jumlah penduduk Filipina (Timberman, 1998: 87). Tambahan pula, pertambahan penduduk dan saiz keluarga yang bertambah besar telah mengakibatkan tekanan ke atas penduduk dan pertambahan ini melebihi dari sumber yang ada di Filipina seperti makanan, tempat tinggal dan tanah yang merupakan keperluan asas dalam keluarga. Pertambahan saiz keluarga mengakibatkan sumber yang ada tidak dapat menampung bilangan anggota keluarga yang ramai. Ini memaksa sebahagian dari ahli keluarga keluar meneruskan kehidupan di tempat lain yang difikirkan lebih baik (Ahmad Adli, 1997: 51-52). Keadaan ini amat memberi kesan terhadap penduduknya. Akibatnya, untuk masa depan mereka maka ramai penduduk negara itu meninggalkan kampung asal mereka berhijrah ke Sabah dan lain-lain negara.

Jadual 4.10 menunjukkan bahawa paling ramai iaitu 45 orang (84.9%) responden yang ditemui di Kampung Bakau ini menyatakan alasan mereka berhijrah ke Sabah ialah untuk mencari kerja, 41 orang (77.4%) daripadanya meletakkan alasan ini sebagai alasan utama mereka. Selain daripada itu, 14.5% dari responden menyatakan ingin mencari kehidupan baru sebagai alasan mereka berhijrah ke Sabah. Mereka merasakan kemiskinan yang dialami di negara asal tidak akan berubah sekiranya mereka tidak berhijrah. Maka ramai responden telah mencuba nasib berhijrah ke Sabah untuk mencari

kehidupan yang baru dan menjangkakan di Sabah mereka boleh meningkatkan taraf hidup mereka yang selama ini dibelenggu kemiskinan.

**Jadual 4.10
Alasan-Alasan Berhijrah Ke Sabah**

Alasan-Alasan	Keutamaan Alasan			Tahun Berhijrah Ke Sabah			
	1	2	3	< 1970	1970-1979	1980-1989	1990-1996
Mencari Kerja	41	4	-	1	17	21	6
Ikut Keluarga/Saudara	7	-	-	2	3	1	1
Keselamatan di Filipina tak terjamin	-	30	2	-	9	11	3
Peperangan Marcos	2	1	-	-	3	-	-
Mencari Kehidupan Baru	2	12	2	-	6	5	5
Pendapatan di Sabah Tinggi	-	2	1	-	-	2	1
Lain-lain *	-	-	3	-	1	1	1
Tidak Tahu	1	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	53	49	8	3	39	41	17

Sumber: Borang Soal Selidik Antara Mei - Jun 1996

Nota : lain-lain* terdiri dari alasan seperti alasan Sabah maju (1.9%), Ikut kawan (1.9%) & Cari kerja baru (1.9%).

Simbol ; 1 - Alasan Utama 2- Alasan ke-2 3- Alasan ke-3
4 - Alasan ke-4

II) Masalah Keselamatan di Filipina

Keadaan politik yang tidak stabil atau masalah keselamatan di negara asal turut menjadi pendorong penghijrahan. Perang saudara menentang kerajaan Marcos berlaku di kebanyakan kawasan Kepulauan di Selatan Filipina terutamanya antara tahun 1970 hingga 1976 seperti yang diuraikan dalam bab 2, banyak mengakibatkan pembunuhan dan kerosakan harta benda. Hal ini seterusnya yang menyebabkan keadaan ekonomi negeri itu menjadi lembab dan keselamatan awam kurang terjamin. Akibatnya ramai penduduk yang terlibat dalam peperangan di Selatan Filipina ini berhijrah ke Sabah mencari perlindungan politik. Di Kampung Bakau seramai tiga orang responden menyatakan peperangan Marcos sebagai alasan mereka berhijrah ke Sabah, dua orang (3.8%) daripadanya meletakkan sebagai alasan utama dan seorang (2%) pula sebagai alasan kedua kenapa mereka datang ke Sabah. Semasa tiba di Sabah mereka ini telah

dikategorikan sebagai orang pelarian dan sebahagian daripada mereka telahpun mendapat kemudahan tempat tinggal dari kerajaan Sabah dan pihak *United Nations High Commissioner For Refugees* (UNHCR) seperti yang dijelaskan dalam bab 2.

Selain dari masalah keselamatan akibat perang, wujud juga masalah keselamatan akibat dari rompakan-rompakan lanun, pembunuhan dan pergaduhan yang kurang terkawal di kampung halaman mereka. Penduduk-penduduk awam di sana sering merasakan tidak selamat untuk terus tinggal di negara Filipina. Menurut responden, semasa di kampung asal boleh dikatakan setiap hari mereka akan menemui mayat akibat pembunuhan. Biasanya mayat itu terdiri daripada pihak berkuasa polis dan orang awam. Kematian ini adalah akibat rompakan ataupun pergaduhan. Seramai 20.9% responden juga menyatakan keselamatan di Filipina kurang terjamin sebagai alasan mereka berhijrah ke Sabah. Bagaimanapun, alasan ini bukanlah merupakan alasan utama mereka.

Menurut seorang responden Encik Assie Bin Badu:

“Di Filipina, penduduknya tidak mengikut peraturan ataupun undang-undang. Kalau ada pergaduhan mereka sewenang-wenangnya menembak dan membunuh dengan menggunakan senjata api yang mudah dibeli di negara Filipina. Di samping itu, mereka tidak mengikut arahan pihak berkuasa. Kadang-kadang pihak berkuasa ini juga dibunuh.”¹³

Keadaan yang kurang selamat ini diburukkan lagi dengan pemilikan senjata api tanpa menggunakan lesen. Sesiapa sahaja penduduk di Selatan Filipina boleh memiliki senjata api dengan mudah. Ramai dari penduduk di wilayah itu tahu bagaimana mencipta senjataapi (Maria David, 1995/96:19).

¹³

Temu bual pada 12/5/1996.

II) Dasar Kerajaan Negara Asal

Dasar luar negara Filipina, menggalakkan penghijrahan buruh asing ke luar negara. Ini bertujuan untuk mendapat keuntungan hasil dari pembayaran kepada agensi pekerjaan yang membawa buruh asing ke seberang laut. Tambahan pula, buruh asing yang bekerja di seberang laut ini biasanya akan mengirim wang kepada keluarga di negara asal dan membantu aliran masuk wang asing ke negara Filipina.

Dalam konteks ini, kerajaan Filipina telah mengadakan *Undang-Undang Buruh 1974* sebagai dasar untuk mengatasi dua permasalahan yang dihadapi oleh negaranya iaitu pengangguran dan kekurangan mata wang asing (pelaburan asing) untuk keperluan pembangunan. Kerajaan Filipina telah menggalakkan eksport buruhnya kerana ingin mengikuti pengalaman yang dihadapi oleh negara Korea yang telah memperolehi keuntungan berbilion dollar dari eksport buruh kontrak ke seberang laut (Heyzer, 1994:22).

Pada tahun 1991 aliran masuk wang dari pekerja dari seberang laut ke negara Filipina mencapai kira-kira US\$ 3.5 bilion mana kala dari jumlah resmi yang dibayar melalui sistem bank mencatat angka sebanyak US\$ 1.5 bilion. Terdapat kira-kira 3 juta hingga 3.5 juta pula orang Filipina yang bekerja di 127 negara asing dibayar cukup untuk menampung satu per empat kos kehidupan penduduk dari penduduk Filipina (Del Rosario, 1993: 217-305). Pada tahun 1994 negara Filipina telah menerima sebanyak US\$1 bilion (Heyzer, 1994:22).

4.9.2 Faktor Tarikan Ke Sabah

i) Hubungan Sosio-Budaya

Kebanyakan orang Filipina mempunyai hubungan sosio-budaya dengan masyarakat tempatan di Sabah. Hubungan ini boleh dilihat berdasarkan sejarah wilayah Borneo dan beberapa wilayah di Selatan Filipina seperti yang telah dijelaskan dalam bab 2. Oleh kerana wujudnya hubungan kekeluargaan di antara masyarakat tempatan Sabah dan Filipina, maka sudah pasti ada antara mereka akan mengajak saudara mara yang berada di Filipina ini untuk berhijrah ke Sabah. Seramai tujuh orang (6.4%) responden menyatakan bahawa alasan mereka berhijrah ke Sabah ialah mengikuti saudara yang lebih awal menetap atau telah lama menetap di Sabah. Kesemua responden ini, meletakkan alasan itu sebagai sebab utama datang ke Sabah.

Hubungan kekeluargaan ini membolehkan orang Filipina yang baru mendarat di Sabah menumpang tinggal sementara di rumah saudara mara ataupun ahli-ahli keluarga yang ada (akan dibincangkan dalam bab 6). Selain dari itu, saudara mara yang berada di Sabah akan melindungi dan menjamin saudara mara dari Filipina sekiranya ditangkap oleh pihak berkuasa polis kerana tidak mempunyai surat perjalanan yang sah.

Di samping itu, latar belakang sejarah dan budaya yang sama antara Filipina dan Sabah juga menjadi pendorong kepada orang Filipina di Selatan Filipina berhijrah. Persamaan ini menyebabkan mereka berasa seperti berada di negara sendiri apabila berada di Sabah. Lagipun, penduduk Filipina adalah terlalu ramai di Sabah. Maka, sekiranya mereka berada di Sabah mereka juga masih boleh berinteraksi dengan bahasa Filipina dan mudah mengakui diri sebagai orang tempatan kerana ramai orang Filipina di Sabah telah mendapat taraf warga negara dan telah menjadi penduduk pribumi. Bahkan,

menurut cerita seorang responden ada antara orang tua bangsa Filipina yang telah menetap kira-kira 40 tahun di Sabah yang menganggap Sabah itu masih sebahagian dari negara Filipina iaitu di bawah Kesultanan Sulu.

Keadaan yang sama ditemui dalam kajian Maria David (1996) di mana ada pendatang Filipina yang berhijrah ke Sabah dengan anggapan bahawa Sabah sebahagian dari wilayah Filipina. Mereka merasa Sultan Sulu hanya menyewakan atau memajakkan sebahagian dari wilayah Borneo Utara (Sabah) kepada Baron Overbeck dan Alfred Dent pada 22 Januari 1878. Pemberian sebahagian dari wilayah Sabah telah ditafsirkan sebagai 'lease' (pajakan) dan bukannya '*Deed of Cession*' ataupun (Surat Ikatan Penyerahan). Oleh yang demikian, kerajaan British yang memerintah Sabah dari Syarikat Berpiagam Borneo Utara tidak mempunyai hak pemilikan ke atas Sabah seperti yang disebutkan dalam kajian Maria David (1996:21) dan Hilmiah Hj Ahmad (1981:1-11). Sementara itu, kebanyakan pendatang Filipina yang berada di Sabah juga merasa diri mereka "sebagai berada di negara sendiri bila berada di Sabah" sebab persamaan budaya, agama dan bahasa (Kalsum Mohd Nor, 1991:74). Ada juga yang beranggapan diri mereka sebagai "orang Sabah" berdasarkan sejarah lampau (Rafidah Karaman, 1989:46).

II) Peluang Pekerjaan dan Ekonomi

Iklim pembangunan yang menggalakkan serta kekurangan tenaga pekerja dalam sektor-sektor tertentu di negeri ini menjadikan Sabah sebagai tumpuan utama di kalangan orang Filipina. Di Sabah banyak peluang pekerjaan telah diwujudkan terutamanya di sektor-sektor perladangan, sektor pembinaan, sektor perhutanan dan perikanan. Seramai 41 orang (77.4%) responden yang datang ke Sabah ingin mencari pekerjaan. Ada pula

responden menyatakan alasan mereka datang ke Sabah kerana negeri ini maju (1.9%) dan mencari pekerjaan baru kerana negeri ini banyak peluang pekerjaan (1.9%).

Seperti kajian Rafidah Karaman, (1989:45), Zulkiflie Hassan (1993:30) dan Norlia Appi (1996:69-70) kesemua mereka mendapati faktor pekerjaan atau ekonomi sebagai alasan utama orang Filipina ini datang ke Sabah. Sebenarnya kedatangan pendatang asing ke Sabah juga begitu diharapkan oleh ramai para majikan di pelbagai sektor di Sabah. Majikan-majikan ini lebih suka menawarkan peluang pekerjaan kepada pendatang asing tanpa izin kerana ini boleh mengurangkan kos pengeluaran. Biasanya buruh asing tanpa izin sanggup menerima gaji yang rendah dan para majikan juga dapat mengelakkan diri dari membayar Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP). Malah, ada sebahagian daripada majikan sanggup pergi ke negara Filipina untuk mendapatkan buruh. Kadang-kadang mereka sanggup mengeluarkan wang untuk menanggung kos penghijrahan orang Filipina ke Sabah. Bagaimanapun, cara pengambilan buruh berkenaan tidaklah mengikut cara-cara yang sah.

III) Kawalan Yang Longgar

Kedudukan geografi antara negara Filipina dan Sabah adalah berdekatan dan dikelilingi oleh laut luas menyebabkan pihak berkuasa Polis, Polis Merin, Jabatan Imigresen dan Tentera Laut Diraja Malaysia sukar untuk mengawal kemasukan pendatang tanpa izin. Keadaan ini menjadikan orang Filipina yang berhijrah ke Sabah tidak merasa risau untuk memasuki sempadan. Menurut responden, kemungkinan mereka dihalang oleh polis di tengah-tengah lautan adalah tipis. Mengikut anggaran mereka, dari 20 pelayaran penghijrahan memasuki sempadan laut Sabah mungkin satu sahaja pelayaran yang dapat ditahan oleh pihak berkuasa. Tambahan pula, pada kebiasaannya

pengusaha-pengusaha pengangkutan seperti tempel sudah begitu tahu tentang selok belok untuk menyembunyikan diri dari ditangkap Polis Merin. Malah ada juga pihak berkuasa yang pecah amanah dalam menjalankan tugas mereka seperti mana kejadian rasuah yang disebutkan oleh sebahagian responden (lihat bahagian 4.5).

IV) Lain-lain Sebab

Selain dari faktor yang disebutkan di atas, biasanya penghijrahan orang Filipina ini dikaitkan dengan beberapa sebab iaitu:

1. Jarak negeri Sabah dan negara Filipina yang berdekatan.
2. Kos tambang yang murah.
3. Nilai mata wang Ringgit Malaysia yang lebih tinggi
4. Dasar politik Sabah yang begitu liberal (kekurangan bekalan buruh dan pri-kemanusiaan menerima pelarian-pelarian politik).
5. Sabah mudah memberikan taraf kerakyatan kepada orang Filipina.

Bagaimanapun faktor-faktor yang disebutkan di atas ini tidaklah dinyatakan oleh responden sebagai sebab-sebab penghijrahan mereka. Faktor-faktor ini juga penting sebagai gambaran menyeluruh yang menyebabkan mereka berhijrah ke Sabah.

4.10 Kajian Kes Tiga Orang Responden

Kajian ini menceritakan kisah hidup tiga orang responden (dari Kampung Sabah Baru, daerah Lahad Datu)¹⁴ yang menyebabkan mereka berhijrah ke Sabah. Pengalaman mereka dalam perjalanan turut diceritakan untuk membezakan suasana atau keadaan mengikut tempoh penghijrahan dilakukan.

**a) Kajian Kes Pak Amin
(Berhijrah Sebelum Sabah Merdeka - 1960an)**

Pak Amin yang mempunyai taraf sebagai ‘Penduduk Sementara’ di Sabah kerana masih memiliki kad pengenalan merah berasal dari Kampung Tapul di Kepulauan Sulu. Beliau berumur 62 tahun mempunyai 3 orang anak, 3 orang menantu dan 5 orang cucu.

Beliau berhijrah ke Sabah pada bulan Ogos 1964 semasa berumur 30 tahun. Masa itu, anaknya baru sahaja seorang. Sebelum berhijrah, beliau menumpang tinggal di rumah ibu bapanya dan bekerja sebagai nelayan. Kehidupan mereka susah kerana pendapatan sebagai nelayan hanya boleh menampung sara hidup sahaja dengan kadar pendapatan antara 4 hingga 5 pesos sehari. Setiap hari mereka hanya makan ubi kayu kerana tidak mampu untuk membeli beras.

Selepas beliau mendengar cerita daripada kawan-kawannya bahawa negeri Sabah begitu mudah mendapat kerja, maka beliau berpakat dengan isterinya mengambil keputusan untuk berhijrah ke Sabah. Mereka mengumpulkan wang simpanan sebanyak 300 pesos dan ditambah 1000 pesos hasil dari emas yang digadai untuk menampung kos penghijrahan ke Sabah. Kemudian beliau pergi ke pinggir-pinggir pantai di Kampung Tapul mencari pengusaha tempel yang boleh membawa mereka ke Pulau Bongao.

Setelah berjaya menemui pengusaha lansa, ia bersetuju untuk membawa Pak Amin belayar ke Pulau Bongao. Mereka bertolak pada waktu malam iaitu jam 9.00 untuk mengelakkan diri dari panas terik matahari. Mereka sampai di Pulau Bongao pada jam 6.00 pagi dengan jangka masa perjalanan selama 10 jam. Kadar tambang yang dibayar kepada pengusaha lansa adalah sebanyak 20 pesos untuk dua orang. Anak beliau tidak dikenakan tambang.

¹⁴ Pengkaji terpaksa mengambil pendatang Filipina dari **Kampung Sabah Baru** setelah menerima ugutan dari penduduk Kampung Bakau (lihat masalah kajian dalam bab 1).

Setelah sampai di Pulau Bongao, beliau dengan keluarganya telah menumpang sementara di rumah saudaranya selama dua hari dua malam. Dalam masa dua hari berkenaan beliau berusaha mencari pengusaha tempel untuk pergi ke Sabah. Di sana, beliau berjaya bertemu dengan Pak Osa dan bersetuju untuk membawa mereka ke Sabah dengan kadar tambang sebanyak 200 pesos untuk sekeluarga. Semasa perundingan itu, Pak Osa memberitahu beliau mempunyai kenalan seorang mandur di Tawau yang boleh membantu Pak Amin mendapatkan pekerjaan di sana.

Pada jam 10.30 pagi, mereka bertolak dari Pulau Bongao dengan kekuatan lansa 6 kuasa kuda. Beliau menceritakan pengalaman pelayaran mereka bahawa mereka hampir karam di tengah-tengah lautan kerana tidak semena-mena angin bertiup kencang. Bagaimanapun beliau rasa bersyukur kerana berjaya sampai di Tawau pada pukul 4.00 pagi keesokkan harinya dan mendarat di Tanjung Batu Laut.

Sebaik sahaja mendarat jam 6.00 pagi, Pak Osa telah membawa mereka pergi berjumpa Mandur Dullah untuk meminta pekerjaan. Kemudian Mandur Dullah telah membawa mereka ke Kampung ‘Ice Box’ untuk menyewa rumah kongsi sebanyak RM 25 sebulan. Rumah ini adalah tempat pekerja-perkerja duduk sementara semasa menjalankan aktiviti ekonomi menjemur ikan masin. Pada keesokkan harinya Pak Amin mengikuti Mandur Dullah untuk bekerja memuatkan kayu balak ke Kapal menggunakan jentera motor. Pendapatan yang diberikan bergantung kepada jumlah pajakan mereka iaitu sebuah kapal dipajak sebanyak RM 100 untuk memuatkan kayu balak kedalam dermaga sehingga penuh. Biasanya dia memperolehi pendapatan sebanyak RM 300 sebulan.

Walau bagaimanapun, beliau bekerja di sana selama 6 bulan sahaja kemudian beliau bekerja sebagai buruh kasar di Jabatan Kerja Raya (JKR). Selepas 6 bulan kemudian beliau telah dilantik menjadi mandur sehingga tahun 1973. Tetapi selepas tahun itu, beliau kembali bekerja memuat kayu balak (stabilidor) hingga 1985. Selepas tahun 1989, beliau telah mengambil keputusan untuk berpindah ke Lahad Datu dan membeli rumah di Kampung Ipil. Semasa di Lahad Datu, beliau cuba melibatkan diri dalam bidang perniagaan informal sebagai penjaja dengan bermodalkan sebanyak RM 300 iaitu menjual sayur-sayuran dan buah-buahan. Hasil dari perniagaan itu, beliau berjaya mengumpul pendapatan sebanyak RM 400 hingga RM 500 sebulan.

Sehingga bulan Feburari 1996, setelah 7 tahun tinggal di Kampung Ipil beliau sekali lagi berhijrah ke Kampung Sabah Baru kerana rumah-rumah Kampung Ipil sebahagiannya dirobohkan untuk projek pembinaan Pelabuhan Kastam Lahad Datu.

b) Kajian Kes Pak Abdul

(Berhijrah Selepas Kemerdekaan Sabah-Semasa Perang Marcos)

Beliau berumur 47 tahun dan telah mendapat kad pengenalan biru (warga negara Malaysia) pada 12 Februari 1995. Beliau berasal dari Kampung Lapak di Pulau Siasi. Beliau berhijrah pada tahun 1970, masa itu bilangan anaknya seorang dan setelah berada di Sabah bilangan anak bertambah kepada 3 orang. Semasa di Filipina, beliau menjalankan kerja-kerja berkebun sayur-sayuran dan buah-buahan untuk menampung kehidupan keluarga dan ibu bapanya dengan kadar pendapatan sebanyak lebih kurang 150 pesos sebulan. Isterinya juga membantu beliau untuk mencari rezeki bekerja sebagai seorang bidan kampung.

Pada tahun 1970, beliau menceritakan pengalaman semasa berlakunya kekacauan ataupun perang di tempat tinggalnya. Pada masa itu, beliau telah dipaksa menjadi ahli pemberontak orang Moro untuk menentang tentera Marcos. Keadaan ini telah menjadi tekanan kepadanya kerana dia tidak mahu jadi pemberontak. Katanya, beliau bukannya takut tetapi beliau benci dengan perang kerana masih memiliki keluarga yang harus ditanggung.

Dalam suasana itu, kebetulan ada seorang rakan kampungnya hendak berhijrah atau melarikan diri ke Sabah. Beliau juga diberitahu bahawa di Sabah mudah untuk mendapatkan kerja. Kemudian beliau membuat keputusan untuk membawa keluarganya termasuk ibu bapanya melarikan diri ke Sabah. Walaupun ibu bapa mereka tidak mahu mengikut beliau melarikan diri ke Sabah, namun beliau tetap meneruskan niatnya untuk meninggalkan kampung halamannya dan mengajak saudara mara yang lain seramai 8 orang yang terdiri daripada abang, kakak ipar, 4 orang sepupu, bapa dan emak suadaranya, isteri dan anaknya yang masih kecil. Kos penghijrahan beliau sekeluarga sebanyak 500 pesos hasil dari wang simpanannya.

Tiga hari sebelum mereka bertolak ke Sabah, sepupunya telah mencari pengusaha tempel untuk pangangkutan ke Sabah. Sepupunya itu, berjaya menemui tempel yang akan bertolak ke Sabah untuk membawa orang yang yang membuat janji dengannya. Pada masa itu, mereka berunding kadar tambang yang dikenakan untuk seorang penumpang dari Pulau Siasi ke Bongao dan Setangkai sebanyak 16 pesos seorang. Pak Abdul telah membayar tambang perjalanan itu sebanyak 32 pesos untuk suami-isteri. Anaknya tidak dikenakan tambang.

Pada 24 Disember 1970, pada jam 4.30 petang bersama isteri dan anak beliau bertolak ke pangkalan di Kampung Lapak di Pulau Siasi untuk belayar. Di sana semua penumpang (seramai 36 orang) telah bersedia menunggu pelayaran pada pukul

5.00 petang. Tepat jam 5.00 petang mereka mula bertolak untuk berhijrah dengan menaiki tempel dengan kekuatan 15 kuasa kuda sejam. Mereka sampai di Pulau Bongao setelah 11 jam perjalanan dan singgah berahat selama 5 jam sebelum kembali meneruskan perjalanan ke Pulau Setangkai. Di Bongao mereka makan makanan yang disediakan sendiri khas untuk bekalan dalam perjalanan.

Setelah jam 9.00 pagi mereka bertolak ke Pulau Setangkai. Cuaca pada masa itu berkeadaan baik. Setelah 6 jam pelayaran, mereka pun sampai di Pulau Setangkai pada jam 2.00 petang. Di Pulau Setangkai, mereka menumpang di rumah suadara mara mereka yang berada di pulau itu selama seminggu.

Setelah seminggu, mereka mencari pengusaha tempel yang lain untuk meneruskan pelayaran ke Sabah. Setelah itu, mereka berjaya bertemu dengan Pak Baning dan bersetuju untuk membawa mereka dengan kadar tambang sebanyak 50 pesos seorang. Dari Pulau Setangkai, penumpang bertambah ramai mencapai 40 orang, mereka bukanlah penumpang yang bersama-sama dari Pulau Bongao dan Pulau Siasi. Pada 31 Disember 1970 pada jam 6.00 pagi mereka pun bertolak ke Lahad Datu.

Pada jam 4.00 petang (1 hb Januari 1971) mereka telahpun sampai di kawasan Silibukan dalam daerah Lahad Datu. Nasib mereka kurang baik kerana telah ditahan oleh Polis Merin dan ditahan di dalam bot selama 14 hari dan dibawa ke rumah tahanan Pondok Polis kawasan Silibukan selama 15 hari. Bagaimanapun, rombongan mereka telah dibebaskan sebulan kemudian di atas jaminan ‘Pak Haji Muksan’ seorang mandur yang bekerja sebagai tukang rakit balak. Setelah itu, rombongan mereka telah dibawa ke Kampung Panji. Di sana mereka telah menyewa kongsi dengan kadar 40 pesos sebulan untuk satu keluarga. Pak Abdul telah dibawa bekerja sebagai ‘kuli tukang rakit balak.’ Pada bulan pertama, gaji beliau dipotong sebanyak RM 100 sebagai bayaran balik wang jaminan Pak Haji Muksan. Bagaimanapun, selepas wang jaminan dibayar gaji bulanan yang biasa diterimanya adalah di antara RM 150 dan RM 300 bergantung kepada banyak mana kayu balak yang dapat dimuatkan ke kapal.

Setelah setahun bekerja, beliau bersama keluarganya telah berhijrah ke Kunak dengan menaiki perahu. Di sana beliau bekerja sebagai “tukang kira kayu balak” dengan pendapatan RM 300 sebulan. Pada tahun 1973, beliau berhijrah semula ke Lahad Datu dan membina rumah di Kampung Ipil. Semasa di sana, beliau telah bertukar kerja kepada kerja tukang kayu dengan pendapatan RM 400-500 sebulan. Pada bulan Feburari 1993, oleh kerana sebahagian Kampung Ipil dirobohkan untuk

membina pelabuhan Kastam maka mereka sekali lagi terpaksa berpindah ke Kampung Sabah Baru dan mendirikan rumah di sana dengan kos RM 3000.

**c) Kajian Kes Pak Abtoh
(Berhijrah Selepas Sabah Merdeka-Semasa Perang Marcos 1974)**

Beliau kini berumur 49 tahun dan berasal dari Kampung Tapul Kanawai di Kepulauan Sulu. Beliau ialah pendatang tanpa izin yang mempunyai sijil banci. Sebelum berhijrah ke Sabah, beliau mempunyai seramai 7 orang anak dan sekarang bertambah kepada 11 orang. Di Filipina, beliau biasanya melakukan pekerjaan sebagai nelayan dengan pendapatan kira-kira 100 hingga 200 pesos sebulan. Beliau berhijrah ke Sabah di atas sebab kekacauan yang sering berlaku di tempat tinggalnya sama ada akibat rompakan-rompakan, pembunuhan oleh lanun-lanun dan juga akibat perang. Sambil itu, beliau juga ingin merasakan mencari kehidupan baru yang lebih baik berbanding di tempat asalnya.

Katanya, beliau tahu sedikit sebanyak tentang negeri Sabah daripada saudara maranya yang telah berhijrah ke Sabah dan pulang melawat saudara mara yang masih menetap di Filipina. Oleh kerana keadaan keselamatan di tempatnya semakin meruncing akibat perang dan pembunuhan-pembunuhan sama ada oleh tentera pemberontak dan lanun-lanun, beliau mengambil keputusan untuk membawa keluarganya meninggalkan kampung halaman untuk berhijrah ke Sabah. Pada masa itu, beliau hanya mempunyai wang simpanan sebanyak 1000 pesos yang cukup untuk menampung kos penghijrahan bersama keluarganya.

Pada tahun 1974, mereka terpaksa meninggalkan kampung halamannya dengan sebuah rumah, 15 ekar kebun buah-buahan dan kelapa dan beberapa ekor binatang ternakannya. Dari Kampung Tapul, mereka belayar pada jam 7.00 pagi menaiki kumpit yang memuatkan lebih daripada 100 orang penumpang menuju ke Pulau Bongao. Beliau bersama isteri dan 7 orang anak-anaknya membayar tambang sebanyak 280 pesos iaitu seramai 6 orang membayar penuh sebanyak 40 pesos satu kepala, mana kala 2 orang anaknya membayar separuh iaitu 20 pesos seorang dan anaknya berumur 1 tahun setengah dikecualikan dari bayaran.

Pelayaran mereka ke Pulau Bongao dalam keadaan cuaca baik. Pada jam 1.00 tengah hari setelah 6 jam perjalanan mereka pun sampai di Pulau Bongao untuk singgah. Setelah 15 minit kemudian mereka meneruskan perjalanan menuju ke Sabah dan sampai mendarat di Kampung Panji pada jam 4.00 pagi setelah bermalam semalam di tengah-tengah lautan.

Di Kampung Panji, beliau telah bertanya kepada penduduk di sana tentang alamat rumah saudara mereka. Setelah sampai di rumah saudara mereka pun menumpang sementara di sana. Saudara mereka membawa Pak Abtoh dan 2 orang anaknya untuk bekerja dengan majikannya menjadi buruh binaan sebagai tukang kayu dan dibayar gaji sebanyak RM 240 sebulan, mana kala anak-anaknya yang bekerja sebagai 'kuli' dibayar RM 150 sebulan. Setelah seminggu menumpang di rumah saudara, mereka pun dapat mencari rumah sewa tanpa bilik dengan bayaran RM 40 sebulan.

Setelah dua tahun bekerja sebagai buruh binaan, beliau mengambil keputusan untuk berhenti kerja dan berhijrah ke Kunak untuk mencari pengalaman dan kehidupan yang lebih baik. Mereka berhijrah menaiki perahu dengan pajakan tambang sebanyak RM 100. Di Kunak, beliau telah bertemu dengan kawan yang pernah mengajaknya bekerja sebagai tukang rakit kayu balak yang menanti mereka di Kunak. Mereka sekeluarga dibawa ke 'Long Pon' iaitu rumah kongsi panjang yang disediakan kepada perkerja-perkerja balak. Di sana beliau bekerja sebagai tukang rakit kayu balak dengan pendapatan RM 300-400 sebulan.

Pada tahun 1978, setelah bekerja selama lebih 2 tahun di Kunak sebagai tukang rakit kayu balak, beliau mengambil keputusan untuk berhijrah semula ke Lahad Datu. Walau bagaimanapun, 2 anaknya masih terus bekerja di Kunak. Lima orang yang lain mengikutinya berhijrah semula ke Lahad Datu menaiki bot. Mereka telah mendirikan rumah di Kampung Ipil dengan kos pembinaan sebanyak RM 1000. Di Lahad Datu, beliau telah memulakan kerja baru sebagai peniaga runcit tanpa lesen di Kampung Ipil dengan bermodalkan sebanyak RM 300. Barang-barang yang dijual seperti barang-barang runcit termasuk buah-buahan, sayur-sayuran, keropok dan sebagainya. Dari perniagaan ini beliau boleh mengumpul pendapatan bersih bulanan sebanyak RM 300 hingga RM 400.

Setelah lima tahun di Kampung Ipil, pada tahun 1983 beliau telah berpindah ke Kampung Sabah Baru kerana mahu tinggal berdekatan dengan saudara maranya yang tinggal di sana. Di Kampung Sabah Baru, beliau kembali bekerja sebagai buruh binaan (tukang kayu) iaitu membuat rumah secara kontrak bagi pendatang-pendatang tanpa izin yang baru datang atau membaiki rumah mana-mana pelanggan yang meminta. Sebagai tukang kayu ini, beliau boleh memperolehi pendapatan antara RM 300-400 sebulan. Katanya; beliau kini sudah tua dan mengharapkan anak-anaknya membantu diri dan isterinya untuk meneruskan kehidupan.